

BERITA HARIAN

DATE: 05/09/2007

DEB strategi bantu semua kaum: TPM

BH - 5/9/2007

Bumiputera tidak dapat keistimewaan mutlak

Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak menegaskan bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) bukan keistimewaan mutlak untuk semua Bumiputera, sebaliknya strategi kerajaan membantu mereka yang benar-benar layak diberi pertolongan dari segi sosioekonomi.

Timbalan Perdana Menteri bagaimanapun mengakui mungkin ada kecenderungan dasar itu digunakan bagi membantu orang yang dikenali, tetapi menegaskan amalan berkenaan perlu berubah dan kerajaan mengalu-alukan maklum balas orang ramai bagi memperbetulkan kesilapan seumpamanya.

"Dasar ekonomi sesebuah negara tidak boleh berpaksikan kepada keinginan majoriti penduduk saja, sebaliknya harus selari dengan keperluan masyarakat umum. Kerajaan menyedari hakikat ini dan sudah melakukan perubahan.

"Umpamanya, pemberian biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang kini ditawarkan berdasarkan merit. Jika seorang Bumiputera itu tidak layak mendapat biasiswa, tak perlu kita merugikan wang melabur dalam sesuatu yang tidak tentu hasilnya.

"Saya percaya akan tiba masanya Bumiputera sendiri akan memutuskan mereka tidak perlu lagi keisti-

mewaan dan bersedia bersaing dengan kaum lain. Saya percaya kita tidak perlu menunggu lama bagi mencapai tahap itu," katanya dalam ucapan penutup Seminar Pembangunan Khazanah Nasional, di sini, semalam.

Najib berkata, kedudukan semasa negara perlu sentiasa dinilai semula dan masyarakat tidak semestinya terus berpegang kepada status quo jika ada ruang untuk perubahan kerana negara akan ketinggalan dalam kespesatan pembangunan ekonomi global jika tidak sanggup berubah.

Beliau berpendapat masyarakat perlu menghapuskan perkauman dalam banyak perkara dan harus menilai seseorang berdasarkan perwatakan, peradaban dan kewibawaan, bukan bangsa, agama atau warna kulit jika mahu menghayati konsep bangsa Malaysia dalam erti kata sebenar.

Katanya, sejarah menjadi pedoman supaya kesalahan masa lampau

“Dasar ekonomi sesebuah negara tidak boleh berpaksi kepada keinginan majoriti penduduk saja”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

tidak diulangi dan pada masa sama, mengajar rakyat jangan terlalu taksub dengan kejayaan masa kini kerana bukan mudah mengharungi 50 tahun kemerdekaan tanpa kecekalan menghadapi cabaran.

Najib berkata Malaysia menerima pakai konsep perkongsian kuasa di kalangan masyarakat pelbagai kaum, bangsa dan agama apabila ia dianggap sesuatu yang mustahil oleh kebanyakan negara, termasuk penjajah British tetapi rakyat membuktikan ia boleh dilakukan.

"Kita tidak memilih konsep parti yang bergabung, seperti dilakukan beberapa negara jiran, sebaliknya integrasi dan krisis kewangan 1997 membuktikan kita mampu bertahan berkat perpaduan yang terbina ini.

"Ini anjakan paradigma, kita adalah negara yang unik dan keunikan ini menjadi sumber kekuatan bagi pembangunan. Diri kita harus sentiasa diingatkan mengenai apa yang mengikat perpaduan masyarakat, bukan mengungkitkan isu yang memecah-belahkan kita.

"Kita bebas bersuara tetapi perlu berhemah, boleh membincangkan kontroversi tetapi jangan berbalah dan boleh menerima perbezaan pendapat. Ruang seumpama ini harus menjadi ikatan yang menyatupadu kita sebagai bangsa Malaysia," katanya.